

Dialog pastikan kepentingan negara membangun terpelihara

Oleh MOHD. NOR SAMAD
UM 1 AUG 2002

DIALOG perkongsian pintar yang digerakkan di pulau legenda, Langkawi pada 1995 dengan menghimpunkan ketua-ketua kerajaan, negara, tokoh korporat dan penggerak ekonomi 'berkamunne' lagi hari ini bagi membincangkan hala tuju dan masa depan mereka.

Dalam era globalisasi dan selepas peristiwa 11 September 2001, dialog ini menjadi semakin penting dan semakin wajar bagi memastikan kepentingan negara-negara membangun terpelihara.

Sejak dialog ini diperkenalkan, suasana dunia terus berubah, ditambah lagi lahirnya liberalisasi perdagangan dan pelaburan yang menyerlahkan

FOKUS

kepentingan perbincangan secara terbuka dan telus itu.

Sejak falsafah perkongsian pintar dilahirkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pelbagai isu telah mereka kupas termasuklah kesan kegawatan ekonomi kepada dunia.

Hari ini, sekali lagi pemimpin dan penggerak ekonomi negara membangun membincangkan pelbagai masalah semasa. Tumpuan utama ialah ancaman baru, isu keselamatan dan kemiskinan selain isu sosial.

Kebanyakan negara yang

menyertai LID merupakan anggota Komanwel dari benua Afrika yang memerlukan perkongsian pintar untuk memaiu dan membangunkan negara masing-masing. Di sinilah letaknya peranan Malaysia selaras dengan slogan 'memakmurkan negara tiran'.

Negara-negara Afrika boleh belajar dari Malaysia dan Malaysia pula boleh belajar dari mereka untuk kepentingan bersama.

Langkah ini penting bagi melahirkan dunia yang pintar, aman dan makmur.

Dengan bermulanya dialog

perkongsian nitar hari ini sehingga 4 Ogos, jelas menunjukkan idea Dr. Mahathir itu diterima positif.

Ini berdasarkan kepada iumlah negara dan peserta yang terus meningkat sejak diperkenalkan. Isu-isu yang dibincangkan juga global" dan semasa.

Tambahan pula, falsafah dan konsep itu juga dikongsi bersama oleh negara-negara lain. Antaranya Dialog Antarabangsa Barbados (BID), Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Pada permulaan LID, ada yang menganggap Malaysia cuba menjadi 'ketua' kepada negara-negara Afrika. Bagaimanapun, masa telah menunjukkan bahawa tindakan Ma-

laysia itu jelas untuk faedah dan kepentingan bersama.

Malaysia ingin mempromosi bahawa perkongsian pintar yang mewujudkan 'situasi menang-menang' baik untuk dunia.

Kemajuan dan kemakmuran perlu dikongsi bersama bagi membendung unsur-unsur negatif daripada menu-
lar.

Setidak-tidaknya usaha Malaysia itu sudah menampakkan kejayaan apabila banyak pihak mengakui pentingnya konsep tersebut.

Justeru itu, dialog tiga hari yang bermula hari ini, merupakan permulaan ke arah masa depan yang cemerlang melalui perkongsian pintar.